



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

SEMPENA

PROGRAM SENAM SIHAT WARGA MPSP
SEMPENA HARI SUKAN NEGARA 2018

TARIKH / MASA / TEMPAT

12 OKTOBER 2018 (JUMAAT)
8.00 PAGI

TAPAK PERHIMPUNAN, MENARA MPSP, BANDAR PERDA,
BUKIT MERTA JAM & UPCYCLE PARK, MPSP

Disediakan oleh Jabatan Kemasyarakatan

Ucapan YBhg. Dato' YDP MPSP 2018

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir Hajah Rosnani Binti Haji Mahmod

Puan Setiausaha Perbandaran

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Kakitangan MPSP

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah s.w.t. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama berkumpul pada pagi ini dalam menjayakan Program Senam Sihat Warga MPSP bersempena dengan Hari Sukan Negara 2018 yang disambut di seluruh negara serentak pada 13 Oktober 2018.

Sebagai makluman, Hari Sukan Negara Peringkat Negeri Pulau Pinang akan diadakan di Kompleks Belia dan Sukan Batu Uban pada 13 Oktober 2018. Selain itu, semua agensi kerajaan juga digalakkan untuk mengadakan aktiviti sukan masing-masing bermula dari 12 Oktober 2018 hingga 14 Oktober 2018.

Justeru, MPSP yang mana sentiasa menyahut seruan Kerajaan Negeri Pulau Pinang hari ini mengadakan Program Senam Sihat Warga MPSP bagi merealisasikan hasrat kerajaan negeri dalam mewujudkan budaya kerja yang sihat atau mengamalkan *Healthier* dalam kalangan kakitangan MPSP sendiri.

Selain itu, Program Hari Sukan Negara Peringkat Daerah Seberang Perai Tengah turut diadakan pada 13 Oktober 2018 (Sabtu) di Kompleks Sukan dan Rekreasi MPSP, Jalan Betek, Bukit Mertajam mulai jam 6.30 pagi hingga 5 petang. Antara program menarik yang akan diadakan ialah Hari Sukan Negara Fun Run 2018, Persembahan Seni Mempertahankan Diri, Karnival Sukan Agensi Kerajaan, Sukaneka / Sukan Rakyat, Megarobik dan yang paling penting MPSP turut berkerjasama dengan mengadakan program MPSP Free Swimming Day. Pada hari berkenaan, Caj masuk ke Kolam Renang Awam dan Taman Tema MPSP di kompleks sukan berkenaan adalah **percuma** mulai jam 8 pagi hingga 5 petang. Seluruh kakitangan MPSP dijemput untuk hadir bersama-sama bagi menjayakan program ini disamping dapat mendekatkan diri kita dengan aktiviti sukan yang menyihatkan badan kita.

Akhir kata, saya dengan ini melancarkan Program Senam Sihat Warga MPSP bersempena Hari Sukan Negara 2018 peringkat Majlis Perbandaran Seberang Perai.

***Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.***

Sekian, terima kasih.